

# PMR

LATIH TUBI ....LEBIH 700  
SOALAN OBJEKTIF  
TING 1,2 DAN 3

SOALAN LATIHAN  
DAN JAWAPAN



*BARU*

T<sub>1</sub>

T<sub>2</sub>

T<sub>3</sub>

**Q BANK SEJARAH PMR TINGKATAN SATU**

1. Sejarah ialah penceritaan tentang tindakan manusia dan sebab-sebab mereka melakukannya.

Berdasarkan penerangan di atas kita perlu memahami dan mempelajari sejarah untuk mengetahui peristiwa-peristiwa yang berkaitan dengan

- I** Diri
- II** Masyarakat
- III** Fosil
- IV** Artifak

- A** I dan II
- B** I dan III
- C** II dan III
- D** III dan IV

(L=2)

2. Sejarah berasal daripada perkataan Arab, syajaratun yang bermaksud

- A** Sumber sejarah
- B** Peristiwa sejarah
- C** Salasilah keluarga
- D** Pengalaman yang lampau

(L=1)

3. Antara berikut pernyataan yang manakah merupakan pengertian Sejarah menurut Muhd Yusof Ibrahim?

- A** Salahsilah keluarga
- B** Riwayat keturunan atau asal-usul
- C** Catatan atau rekod sesuatu peristiwa
- D** Tindakan manusia dan sebab-sebabnya

(L=1)

4. Di antara pernyataan berikut yang manakah memberikan pengertian umum sejarah?

- A** Kajian tentang tindakan manusia.
- B** Peristiwa yang memberikan iktibar kepada kita.
- C** Kajian tentang peristiwa yang berlaku di masa lampau.
- D** Peristiwa yang memberi kesan kepada kehidupan kita.

(L=1)

5. Malaysia telah mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Peristiwa ini menjelaskan salah satu ciri sejarah iaitu
- A Tepat dan benar
  - B Sebab dan akibat
  - C Tidak ditokok tambah
  - D Penting dan bermakna

(L=3)

6. Ciri-ciri Sejarah

- ? Penting dan bermakna
- ? Sebab dan akibat
- ? **X**

Rajah di atas berkaitan dengan ciri-ciri sejarah. X ialah

- A Tepat dan benar
- B Tidak dipertikaikan
- C Benar-benar berlaku
- D Dibuktikan kesahihannya

(L=1)

7. Di antara peristiwa-peristiwa berikut yang manakah berkaitan dengan salah satu ciri sejarah iaitu penting dan bermakna?

- I Perisytiharan Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan
- II Hari Guru
- III Hari Kebangsaan
- IV Pembentukan masyarakat berbilang kaum

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan III
- D III dan IV

(L=2)

8. Kekayaan sumber alam seperti bijih timah di Pantai Barat mendorong campur tangan British. Ciri sejarah yang paling tepat menjelaskan pernyataan di atas ialah

- A Tepat dan benar
- B Sebab dan akibat
- C Tidak ditokok tambah
- D Penting dan bermakna

(L=3)

- 9.
- |   |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Fosil</li> <li>• Artifak</li> <li>• Surat</li> </ul> |
|---|

Maklumat di atas merujuk kepada

- A** Sumber asli
- B** Sumber kedua
- C** Sumber pertama
- D** Sumber sekunder

(L=1)


10. Antara berikut yang manakah merupakan ciri sumber pertama?

- I** Sumber yang belum diolah
- II** Sumber bersifat asli
- III** Ditulis oleh pengkaji sejarah
- IV** Belum ditafsir

- A** I, II dan III
- B** I, II dan IV
- C** II, III dan IV
- D** I, III dan IV

(L=1)

11.



Berdasarkan pernyataan di atas, tokoh X ialah

- A** Socrates
- B** Herodotus
- C** Ibn Khaldun
- D** Tun Sri Lanang

(L=1)

12. 

Tun Sri Lanang
----------------

Apakah sumbangan tokoh di atas terhadap sejarah negara kita?

- A** Penulis karya Tuhfat al-Nafis
- B** Penulis karya Sejarah Melayu
- C** Penulis Karya Hikayat Hang Tuah
- D** Penulis Karya Sejarah Alam Melayu

(L=2)

13. Di antara berikut yang manakah merupakan contoh sumber kedua atau sekunder?

- I** Buku
  - II** Majalah
  - III** Diari
  - IV** Surat
- 
- A** I dan II
  - B** I dan III
  - C** II dan III
  - D** III dan IV

(L=2)

14. Kaedah sejarah yang berkait rapat dengan tradisi sastera rakyat ialah

- A** Kaedah lisan
- B** Kaedah bertulis
- C** Kaedah cari gali
- D** Kaedah Arkeologi

(L=2)

15. Apakah faktor utama yang menyebabkan sejarahwan memilih, mentafsir dan membandingkan sumber lisan?

- A** Mengukuhkan pendapat.
- B** Terdapat unsur realisme.
- C** Mengelakkan salah faham.
- D** Terdapat unsur tokok tambah.

(L=2)

16. Kulit kayu  
Dinding gua  
Gading

Senarai di atas berkaitan dengan

- A** Kaedah Lisan
- B** Kaedah Bertulis
- C** Kaedah Tafsiran
- D** Kaedah Arkeologi

(L=2)

17. Bahan-bahan tinggalan sejarah yang ditemui melalui proses cari gali ialah

- I** Artifak
  - II** Fosil
  - III** Kulit siput
  - IV** Catatan
- 
- A** I, II dan III
  - B** I, II dan IV
  - C** I, III dan IV
  - D** II, III dan IV

(L=3)

18. Apakah faktor yang menyebabkan mata pelajaran sejarah diberi penekanan dalam sistem persekolahan di negara kita?

- A** Menjadi pelajar cemerlang.
- B** Menghayati budaya bangsa.
- C** Memupuk sifat tanggungjawab.
- D** Memupuk semangat cinta akan tanah air.

(L=3)

19. 

Datuk Bahaman Mat Kilau Tok Janggut
---

Apakah tafsiran sejarawan barat terhadap tokoh-tokoh di atas?

- A** Pemberontak
- B** Wira bangsa
- C** Pejuang tanah air
- D** Pejuang kemerdekaan

(L=3)

20. Tafsiran sejarah yang tepat dan betul perlu memiliki sifat-sifat seperti

- I** Kujujuran penyelidikan
  - II** Tafsiran yang bertanggungjawab
  - III** Keberkesanan kajian
  - IV** Mempunyai pengajaran
- 
- A** I dan II
  - B** I dan III
  - C** II dan III
  - D** III dan IV

(L=3)

21. 

Alat batu adalah peralatan utama Memungut hasil hutan Memburu binatang Berpindah randah
--

Senarai di atas berkaitan dengan zaman

- A Logam
- B Neolitik
- C Paleolitik
- D Mesolitik

(L=1)

22. Antara berikut yang manakah merupakan tempat tinggal orang zaman Paleolitik?

- I Kawasan terbuka di luar gua
- II Di dalam gua
- III Tepi tasik
- IV Persisiran pantai

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

(L=2)

23. Apakah bukti yang menunjukkan Malaysia tidak mengalami Zaman Mesolitik?

- A Tiada jumpaan fosil.
- B Tiada tinggalan artifak.
- C Penemuan alat-alat batu Haobinh.
- D Petempatan zaman Mesolitik tidak ditemui.

(L=1)

24. 

Penemuan arkeologi menunjukkan bahawa masyarakat Zaman Paleolitik mengebumikan mayat bersama-sama makanan dan alat batu.
--

Apakah kesimpulan yang dapat dibuat daripada penemuan ini?

- A Menghayati unsur alam.
- B Mempunyai kepercayaan.
- C Percaya kepada hidup selepas mati.
- D Menerima kematian sebagai lumrah hidup.

(L=3)

25. Kepercayaan setiap benda seperti batu dan pokok mempunyai semangat iaitu jiwa.

Pernyataan di atas berkaitan dengan

- A Mitos
- B Lagenda
- C Politisme
- D Animisme

(L=1)

26. Penemuan penting di Gua Gunung Runtuh di Perak pada tahun 1990

Penemuan penting yang disebut dalam pernyataan di atas merujuk kepada?

- A Alatan batu
- B Rangka manusia
- C Mangkuk tembikar
- D Perkakas memasak

(L=1)

27. Apakah alatan masyarakat Paleolitik yang ditemui di Malaysia?

- I Tembikar
- II Alat penetak
- III Kapak genggam
- IV Alat repihan

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

(L=2)



28. Di antara berikut yang manakah merupakan tapak masyarakat Paleolitik di Malaysia?

- I** Kota Tampan
- II** Bukit Bunuh
- III** Gua Cha
- IV** Tingkayu

- A** I, II dan III
- B** I, II dan IV
- C** II, III dan IV
- D** I, III dan IV

(L=2)

29. ....merupakan zaman perkembangan teknologi batu kepada tembikar

Penyataan diatas merujuk kepada zaman

- A** Logam
- B** Neolitik
- C** Paleolitik
- D** Mesolitik

(L=3)

30. Ciri-ciri zaman X  
Berdagang secara tukar barang  
Becucuk tanam  
Wujud sistem bermasyarakat

Penyataan di atas merujuk kepada zaman

- A** Logam
- B** Neolitik
- C** Paleolitik
- D** Mesolitik

(L=3)

31. Apakah alatan batu yang digunakan oleh masyarakat Neolitik?

- A** Pisau dan kapak
- B** Kapak genggam
- C** Kapak dan beliung
- D** Beliung dan pemukul kulit kayu

(L=1)

32. Di antara berikut yang manakah merupakan petempatan masyarakat Neolitik di Malaysia?

- I** Gua Cha
- II** Bukit Tengkorak
- III** Tingkayu
- IV** Gua Niah

- A** I dan II
- B** I dan III
- C** II dan III
- D** III dan IV

(L=3)

33. Di antara berikut yang manakah merupakan ciri-ciri masyarakat Zaman Logam?

- I** Menggunakan peralatan daripada gangsa dan besi.
- II** Bercucuk tanam serta menangkap ikan.
- III** Mempunyai kepercayaan dan upacara pengebumian kepingan batu.
- IV** Hidup berpindah randah.

- A** I, II dan III
- B** I, II dan IV
- C** I, III dan IV
- D** II, III dan IV

(L=3)

34. 

Sungai Tembeling Gua Harimau X
--------------------------------------

Senarai di atas merujuk kepada petempatan masyarakat zaman

- A** Logam
- B** Neolitik
- C** Paleolitik
- D** Mesolitik

(L=2)

35. 

Sungai Tembeling Gua Harimau X
--------------------------------------

X dalam senarai di atas merujuk kepada

- A Gua Cha
- B Gua Niah
- C Tingkayu
- D Cangkat Menteri

(L=2)

36. Kenapakah masyarakat Zaman Logam memilih persisiran pantai dan tepi sungai sebagai tempat tinggal mereka?

- I Mendapat bekalan air.
- II Memudahkan kegiatan bercucuk tanam.
- III Menjalankan perdagangan.
- IV Mudah menjalankan kegiatan penyembahan.

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

(L=2)

37. 

Manusia Perak
---------------

Pernyataan di atas merujuk kepada

- A Bukti Zaman Mesolitik
- B Penemuan Zaman Paleolitik
- C Bukti petempatan Zaman Logam
- D Kemajuan penyelidikan Arkeologi

(L=3)

38. Alatan dan perkakas masyarakat Zaman Neolitik diperbuat daripada

- A Batu
- B Besi
- C Gangsa
- D Tanah liat

(L=1)

39. Apakah kegiatan utama yang dijalankan oleh masyarakat Zaman Neolitik?

- I Bercucuk tanam
- II Membuat tembikar
- III Membuat peralatan logam
- IV Menjalankan perdagangan

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV


(L=3)  
40.

	Zaman Prasejarah	Teknologi
I	Zaman Paleolitik	Batu
II	Zaman Neolitik	Tembikar
III	Zaman Logam	Gangsa
IV	Zaman Paleolitik	Tembikar

Pilih pasangan Zaman Prasejarah dan teknologi yang betul.

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

(L=2)  
41.



Senarai di atas berkaitan dengan kerajaan awal di Asia Tenggara. X ialah?

- A Kerajaan maritim
- B Kerajaan empayar
- C Kerajaan Hindu-Buddha
- D Kerajaan berasaskan pertanian

(L=1)

42. 

<ul style="list-style-type: none"> <li>• Angkor</li> <li>• <b>X</b></li> </ul>
--

Senarai di atas merujuk kepada contoh kerajaan Agraria. X ialah .....

- A** Funan
- B** Champa
- C** Srivijaya
- D** Kedah Tua

(L=1)

43. 

<ul style="list-style-type: none"> <li>• Champa</li> <li>• Majapahit</li> <li>• Kedah Tua</li> <li>• <b>X</b></li> </ul>
--

X dalam senarai di atas ialah .....

- A** Funan
- B** Angkor
- C** Dvavati
- D** Srivijaya

(L=1)

44. 

<ul style="list-style-type: none"> <li>• Champa</li> <li>• Majapahit</li> <li>• Kedah Tua</li> <li>• <b>X</b></li> </ul>
--

Senarai di atas merujuk kepada kerajaan

- A** Agraria
- B** Maritim
- C** Naungan
- D** Empayar

(L=1)

45. Antara berikut yang manakah merupakan ciri-ciri kerajaan Agraria

- I** Terletak di lembangan sungai
- II** Menjalankan kegiatan bercucuk tanam
- III** Telibat dalam kegiatan membuat kapal
- IV** Pemerintah memainkan peranan dalam pembinaan empangan

- A** I, II dan III
- B** I, II dan IV

- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

(L=2)

46. Apakah yang dimaksudkan dengan kerajaan maritim.

- I Terletak di persisiran pantai
- II Menjalankan kegiatan berkaitan dengan laut
- III Menjalankan pertanian pindah
- IV Memungut hasil hutan

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan III
- D III dan IV

(L=2)

47. Empangan memainkan peranan penting dalam menjamin kemajuan kerajaan agraria. Apakah kepentingan empangan kepada masyarakat agraria?

- A Memajukan pertanian
- B Menjamin pertambahan penduduk
- C Menunjukkan kemahiran teknologi
- D Menunjukkan kekuatan pemerintah

(L=2)

48. Apakah kepentingan baray kepada kerajaan Angkor

- A Untuk tujuan pertanian
- B Memajukan sektor perikanan
- C Memajukan pembuatan kapal
- D Menjamin perkembangan perdagangan

(L=1)

49. Apakah kegiatan utama penduduk kerajaan maritim

- A Perikanan
- B Pelayaran
- C Perdagangan
- D Membina kapal

(L=1)

50. 

Tasik Tonle Sap
-----------------

Apakah kepentingan maklumat di atas kepada kerajaan Angkor

- A Pelabuhan utama
- B Sumber makanan

- C Memajukan perdagangan
- D Saliran untuk kegiatan pertanian

(L=2)

51. Masyarakat Maritim mahir membuat kapal dan menguasai ilmu pelayaran

Apakah yang membuktikan pernyataan di atas?

- A Mempunyai empayar yang luas
- B Berlayar hingga ke Afrika Timur
- C Berperanan sebagai pelabuhan utama
- D Berjaya berlayar sampai ke benua Eropah

(L=3)

52. Di antara berikut yang manakah merupakan barangan yang dikumpulkan oleh kerajaan maritim daripada kawasan pedalaman dan pulau-pulau yang terletak di sekitarnya?

- I Rempah ratus
- II Ubat-ubatan
- III Cendana
- IV Manik

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

(L=2)

53. Kerajaan X

- Diasaskan pada sekitar tahun 192 Masihi oleh Chu-Lien
- Rajanya dipengaruhi oleh agama hindu

Kerajaan X ialah

- A Funan
- B Chih-Tu
- C Champa
- D Srivijaya

(L=2)

54. Kerajaan **X**
- Diasaskan pada sekitar tahun 192 Masihi oleh Chu-Lien
  - Rajanya dipengaruhi oleh agama hindu

Pelabuhan terkenal kerajaan **X** ialah

- A Oc-Eo
- B Kataha
- C Inderapura
- D Lembah Bujang

(L=2)

55. Di antara berikut yang manakah merupakan ciri-ciri kerajaan Chih-Tu?

- I Diasaskan oleh Raja Guatama
- II Raja berkuasa mutlak
- III Dipengaruhi oleh sistem pemerintahan kerajaan Srivijaya
- IV Dipengaruhi oleh agama Buddha

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

(L=2)

56. Kerajaan **X**
- Diasaskan pada abad ketujuh Masihi
  - Berpusat di Palembang
  - Raja dianggap sebagai Raja di Gunung dan Maharaja di pulau

Berdasarkan maklumat di atas kerajaan **X** ialah

- A Champa
- B Srivijaya
- C Majapahit
- D Kedah Tua

(L=2)



57. Batu bersurat bertarikh 683 masihi telah dijumpai di Telaga Batu

Apakah kesimpulan yang boleh dibuat daripada catatan pada batu bersurat tersebut?

- A Srivijaya adalah pusat perdagangan yang unggul
- B Terdapat tiga bahagian pentadbiran di Srivijaya
- C Srivijaya menguasai Selat Melaka dan Selat Sunda
- D Srivijaya mencapai zaman kegemilangan pada tarikh tersebut

(L=3)

- 58.
- Kerajaan awal yang terkenal di Semenanjung Tanah Melayu
  - Dikenali sebagai Kataha
  - Diasaskan pada kurun kelima masihi
  - Dipengaruhi oleh agama Buddha dan diikuti agama Hindu

Maklumat di atas berkaitan dengan kerajaan Kedah Tua. Apakah bukti yang menunjukkan bahawa terdapat pengaruh agama Buddha dan Hindu dalam kerajaan ini

- A Raja berkuasa mutlak
- B Candi di Lembah Bujang
- C Raja dianggap sebagai devaraja
- D Bahasa Sanskrit adalah bahasa rasmi

(L=3)

59. Penemuan duit perak pada zaman pemerintahan Sultan al-Mutawakil membuktikan bahawa

- A Sistem ekonomi yang kukuh
- B Sistem tukar barang tidak wujud
- C Sistem mata wang telah diperkenalkan
- D Lembah Bujang menjadi pelabuhan entrepot

(L=3)

60. Hayam Wuruk  
Patih Gajah Mada

Kedua-dua tokoh di atas memberi sumbangan besar terhadap sebuah kerajaan awal di Asia Tenggara. Kerajaan tersebut ialah

- A Champa
- B Srivijaya
- C Majapahit
- D Kedah Tua

(L=3)

61. Pada akhir abad ke-14, Parameswara dan pengikutnya telah berundur ke Temasik. Kenapa Parameswara bertindak demikian?

- A Masalah perebutan takhta
- B Ingin mencari kerajaan baru
- C Untuk meluaskan empayar Srivijaya
- D Untuk mengelakkan serangan Majapahit

(L=3)

62. Apakah peristiwa yang menyebabkan Majapahit ingin menyerang Palembang?

- A Palembang ditawan oleh Srivijaya
- B Putera raja Majapahit telah dibunuh
- C Palembang menyerang sekutu Majapahit
- D Palembang cuba membebaskan diri daripada penguasaan Majapahit

(L=3)

63. Semasa berada di Temasik, Parameswara telah membunuh Temagi. Kenapa Parameswara berbuat demikian?

- A Temagi adalah wakil Siam
- B Temagi merampas takhta Srivijaya
- C Temagi enggan mengiktiraf Parameswara
- D Parameswara ingin menjadi pemerintah Temasik

(L=1)

64. Asal usul nama Melaka dikaitkan dengan pokok yang dikenali sebagai Amalaka dalam mitos Hindu. Apakah keistimewaan pokok tersebut?

- I Pokok pertama yang tumbuh di alam semesta
- II Dikaitkan dengan asal-usul agama Hindu
- III Buahnya mempunyai kuasa ajaib
- IV Tempat kediaman Sidharta Gauthama

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

(L=3)

65. Asal-usul nama Melaka dikaitkan dengan

- I** Pokok
- II** Mitos Hindu
- III** Perhimpunan segala dagang
- IV** Orang Laut

- A** I, II dan III
- B** I, II dan IV
- C** I, III dan IV
- D** II, III dan IV

(L=1)

66. Salah satu istilah yang dikaitkan dengan nama Melaka ialah perkataan Arab ‘Mulaqah’ yang bermaksud

- A** pohon
- B** salasilah
- C** pertemuan
- D** perniagaan

(L=1)

67. Mengapa Parameswara dan pengikutnya telah berpindah meninggalkan Temasik?

- A** Dijemput oleh orang laut
- B** Ingin mengasaskan Kerajaan Melaka
- C** Ingin mencari kerajaan yang lebih sesuai
- D** Untuk mengelakkan serangan Siam dan Majapahit

(L=2)

68. Siapakah penduduk asal Melaka?

- I** Orang Melayu
- II** Orang Laut
- III** Orang Asli
- IV** Pedagang asing

- A** I, II dan III
- B** I, II dan IV
- C** I, III dan IV
- D** II, III dan IV

(L=1)

69. Apakah yang menyebabkan Parameswara yakin bahawa perkampungan nelayan yang disinggahnya boleh berkembang maju?

- I** Kedudukannya yang berhampiran dengan laut
- II** Bekalan air bersih mudah diperoleh

- III Bentuk muka bumi yang berbukit-bukau
- IV Naungan kerajaan China

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

(L=1)

70. Pokok bakau  
Api-api

Apakah kepentingan senarai di atas terhadap perkembangan Melaka

- I Menahan pantai serta tebing daripada hakisan air
- II Benteng pertahanan
- III Sumber ekonomi
- IV Untuk membina kapal

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan III
- D III dan IV

(L=3)

71. Di antara berikut yang manakah merupakan langkah yang diambil oleh Parameswara untuk membangunkan Melaka

- I Menyusun pentadbiran yang teratur
- II Menjalinkan hubungan diplomatik
- III Mendapatkan bantuan orang laut
- IV Mewujudkan sistem pencukaaian teratur

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

(L=2)

72. Bentara  
Biduanda kecil

Senarai di atas berkaitan dengan

- A Pembesar di Melaka
- B Sistem cukai di Melaka
- C Kemudahan di pelabuhan

**D Sistem mata wang di Melaka**

(L=1)

73. Hubungan Melaka-China

Apakah kesan terpenting hubungan tersebut kepada Melaka?

- A Melaka menjadi kuat
- B Perdagangan semakin maju
- C Melaka membina empayar
- D Melaka terselamat daripada ancaman

(L=2)

74. Parameswara telah menjalin hubungan diplomatik dengan kerajaan Siam. Langkah ini bertujuan untuk

- A Mengelakkan serangan
- B Memajukan perdagangan
- C Mendapat barang dagangan
- D Mendapatkan bekalan makanan

(L=2)

75. Parameswara telah mendapatkan bantuan Orang Laut untuk menjaga keselamatan Melaka. Bagaimana mereka dapat membantu Parameswara?

- I Mempunyai ciri-ciri kepahlawanan
- II Pedagang yang kaya
- III Mahir selok-belok Selat Melaka
- IV Mempunyai sifat taat setia

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

(L=3)

76. Kerajaan China telah mengurniakan payung kuning, cap mohor dan sepersalinan kepada Melaka. Apakah kepentingan tindakan ini?

- A Kerajaan Melaka diiktiraf
- B Melaka bebas daripada ancaman
- C Melaka menjadi pusat perdagangan
- D Hubungan diplomatik mula dijalinkan

(L=2)

77. Dalam usaha memajukan kegiatan perdagangan di Melaka, Parameswara telah menyediakan banyak kemudahan. Apakah antara kemudahan yang disediakan?

- I** Menyediakan bekalan air bersih
- II** Membaiki kapal
- III** Menyediakan penginapan
- IV** Mengadakan pasar terbuka

- A** I, II dan III
- B** I, II dan IV
- C** I, III dan IV
- D** II, III dan IV

(L=3)

78. ....rakyat itu umpama akar, raja itu umpama pohon....
- Sejarah Melayu

Perumpamaan di atas dapat dikaitkan dengan

- A** Peranan rakyat
- B** Adat resam Melaka
- C** Ikatan konsep daulat
- D** Sistem pemerintahan Melaka

(L=2)

79. Rakyat telah memainkan peranan penting dalam usaha membangunkan Melaka. Apakah sumbangan Orang Asli?

- A** Menjadi tukang batu
- B** Menjadi tenaga kerah
- C** Menjamin keselamatan
- D** Membekalkan hasil hutan

(L=1)

80. ....dilantik memegang jawatan pembesar seperti hulubalang dan biduanda.

Pernyataan di atas berkaitan dengan

- A** Orang Asli
- B** Orang Laut
- C** Kaum Kerabat
- D** Orang Melayu

(L=2)

81. Salah satu faktor yang menyebabkan kegemilangan Melaka ialah sistem pentadbiran yang diamalkan. Apakah bentuk pemerintahan yang telah diamalkan?

- A Sistem Beraja
- B Sistem Bergilir
- C Sistem Kesultanan
- D Sistem Pembesar Empat Lipatan

(L=1)

82. Sultan menerajui pemerintahan di Melaka. Antara berikut yang manakah merupakan peranan Sultan?

- I Mengetuai angkatan tentera
- II Mengetuai hubungan diplomatik
- III Mengetuai urusetia istana
- IV Menjadi ketua agama Islam

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

(L=2)

83. Berdasarkan struktur pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka. Siapakah yang mengetuai angkatan laut.?

- A Sultan
- B Bendahara
- C Laksamana
- D Penghulu Bendahari

(L=1)

<p>84. <u>Struktur Pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka</u>                  Bendahara                  Penghulu Bendahari                  X                  Laksamana</p>
--

Berdasarkan senarai di atas. Apakah peranan X ?

- A Hakim di darat
- B Ketua syahbandar
- C Mengetuai utusan
- D Mengetuai angkatan tentera

(L=3)

85. **Pembesar X**
- merupakan jawatan yang diwujudkan oleh Parameswara
  - pemungut hasil atau ufti
  - ketua urusetia istana

Berdasarkan senarai di atas, X ialah ?

- A Laksamana
- B Syahbandar
- C Temenggung
- D Penghulu Bendahari

(L=3)

86. Sultan telah memberi kuasa kepada pembesar untuk mentadbir wilayah, sungai atau pulau.

Kawasan pentadbiran pembesar tersebut dipanggil

- A Kawasan tadbiran
- B Kawasan anugerah
- C Kawasan pegangan
- D Kawasan pemakanan

(L=1)

87. Sultan telah memberi kuasa kepada pembesar untuk mentadbir wilayah, sungai atau pulau.

Apakah faktor utama yang mendorong sultan memberikan kuasa kepada pembesar?

- A Meningkatkan hasil
- B Mengukuhkan kuasa
- C Meningkatkan sokongan
- D Memantapkan pemerintahan

(L=3)

88. Pembesar di kawasan jajahan dan daerah diberi kuasa memungut cukai. Kawasan memungut cukai ini dipanggil

- A Kawasan cukai
- B Kawasan kuasa
- C Kawasan jajahan
- D Kawasan pemakanan

(L=1)



89.

Pembesar	Kawasan Pegangan
Bendahara	Muar dan Bentan
Laksamana	<b>X</b>

Berdasarkan jadual di atas kawasan pegangan X ialah

- A Kampar
- B Temasik
- C Sungai Raya
- D Sening Ujung

(L=2)

90.

<p>...maka segala dagang atas angin dan bawah angin sekalannya datang ke Melaka; terlalu ramai bandar Melaka pada zaman itu.....</p> <p style="text-align: right;">Sejarah Melayu</p>
---

Apakah kesimpulan yang dapat dibuat daripada petikan di atas?

- A Pentadbiran Melaka yang mantap
- B Kekayaan Melaka yang tiada tandingan
- C Bandar Melaka terkenal di seluruh dunia
- D Kegemilangan Melaka dalam bidang perdagangan

(L=3)

91. Apakah faktor-faktor yang mendorong pedagang dari seluruh dunia datang berdagang ke Melaka?

- I Pengecualian cukai
- II Peranan Syahbandar
- III Kedudukan yang strategik
- IV Terlindung daripada tiupan angin

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

(L=3)

92. Bagi memastikan perdagangan berjalan lancar, kerajaan Melaka telah mewujudkan jawatan Syahbandar. Apakah tugas-tugasnya?

- I Menguruskan pasar dan gudang
- II Memeriksa alat timbang dan sukat
- III Menguruskan cukai
- IV Menjaga keselamatan Melaka

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

(L=2)

93. Sistem cukai yang diamalkan di Melaka dikenali sebagai

- A Cukai Barangan
- B Cukai pelabuhan
- C Cukai perdagangan
- D Cukai berkeutamaan

(L=1)

94. Sistem cukai yang diamalkan di Melaka adalah berbeza-beza. Apakah perkara yang menentukan kadar cukai yang dikenakan ke atas pedagang?

- A Agama
- B Matawang
- C Tempat asal
- D Barang dagangan

(L=1)

95. Apakah sumbangan Orang Laut ke atas perkembangan Melaka?

- A Menguruskan percukaian
- B Menjaga gudang dan pasar
- C Melicinkan urusan perdagangan
- D Menjamin keselamatan perairan Melaka

(L=1)

96. Pemerintah Melaka telah menjadikan Melaka sebagai pelabuhan entrepot. Bagaimanakah pelabuhan Melaka berbeza dengan pelabuhan lain di rantau ini?

- A Dikunjungi pedagang dari seluruh dunia
- B Memperdagangkan barangan dari Timur dan Barat
- C Mempunyai sistem pencukaian yang sistematik dan adil
- D Melantik empat orang Syahbandar menguruskan pelabuhan

(L=3)

97. Kewibaaan dan kecekapan Tun Perak sebagai Bendahara Melaka tidak dapat dipertikaikan. Apakah yang membuktikan kesetiaan beliau kepada Sultan?

- A Menghalang serangan Siam
- B Sanggup melepaskan jawatan Bendahara
- C Tidak menuntut bela atas kematian Tun Besar
- D Tidak berundur ketika Siam menyerang Melaka

(L=2)

98.	SIAK	KAMPAR
-----	------	--------

Apakah persamaan kedua-dua kerajaan yang tersenarai di atas?

- A Menghantar ufti ke Melaka
- B Pusat perdagangan entrepot
- C Mempunyai taraf yang sama dengan Melaka
- D Hubungan dengan Melaka terjalin melalui perkahwinan

(L=3)

99. Bagaimanakah perkembangan Islam telah memberikan kesan terhadap pentadbiran Melaka?

- I Gelaran Sultan diperkenalkan
  - II Sistem beraja mula diamalkan
  - III Ulama berperanan dalam pentadbiran
  - IV Tulisan jawi diperkenalkan
- A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C I, III dan IV
  - D II, III dan IV

(L=2)

100. Dasar peluasan kuasa yang dijalankan telah memberikan beberapa kesan yang penting terhadap kerajaan Melaka. Apakah kesan-kesan tersebut?

- I Menerima ufti
  - II Mendapat bekalan barangan dagangan
  - III Mengembangkan ajaran Islam
  - IV Mengasaskan institusi kesultanan
- A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C I, III dan IV
  - D II, III dan IV

(L=2)

101. Apakah sebab utama yang menyebabkan pelantikan Tun Mutahir tidak disenangi oleh para pembesar Melayu?

- A Beliau terlalu berkuasa
- B Beliau tidak berwibawa
- C Beliau terlalu tua dan uzur
- D Beliau berketurunan India-Muslim

(L=1)

102. Bendahara Tun Perak telah diganti oleh Tun Mutahir. Kenapakah pembesar tempatan tidak berpuas hati dengan pentadbiran Tun Mutahir?

- A Tun Mutahir kurang berwibawa
- B Tun Mutahir bersikap pilih kasih
- C Tun Mutahir memonopoli ekonomi
- D Tun Mutahir kurang berpengalaman

(L=1)

103. Sultan Mahmud telah menjatuhkan hukuman ke atas Tun Mutahir dan keluarganya. Kenapa Sultan bertindak demikian?

- A Tun Mutahir belot
- B Tun Mutahir difitnah
- C Tun Mutahir menderhaka
- D Tun Mutahir menerima rasuah

(L=1)

104. Pemerintahan Melaka sangat lemah di bawah Sultan Ahmad Shah dan Bendahara Tun Papatih

Pernyataan di atas berkaitan dengan keadaan pemerintahan di Melaka di bawah kedua-dua pemimpin tersebut. Apakah kesannya?

- A Melaka diancam oleh Aceh
- B Melaka kehilangan tanah jajahan
- C Melaka mengalami masalah ekonomi
- D Amalan rasuah dan fitnah-memfitnah berleluasa

(L=3)

105. Selepas kematian Bendahara Tun Perak, pedagang kurang mengunjungi pelabuhan Melaka. Apakah punca utama keadaan ini?

- A Kadar cukai yang tinggi
- B Ancaman lanun dan kuasa asing
- C Pelabuhan Melaka tidak selamat
- D Pelabuhan Melaka tidak strategik

(L=3)

106. Apakah kesan terpenting pelantikan Bendahara Tun Mutahir oleh Sultan Mahmud Syah?

- A Melaka diancam oleh Portugis
- B Empayar Melaka semakin luas
- C Menimbulkan masalah perpaduan
- D Melaka semakin maju dan makmur

(L=3)

107. Semasa pemerintahan Sultan Mahmud Syah wujud persaingan antara orang Melayu dan orang India Muslim. Apakah yang menimbulkan persaingan ini?

- A** Ancaman Portugis
- B** Kemerosotan Melaka
- C** Pemberontakan rakyat
- D** Mengukuhkan pengaruh

(L=3)

108. Kelemahan askar Melaka merupakan salah satu faktor yang menyebabkan kejatuhan Melaka. Apakah kelemahan-kelemahan yang dimaksudkan?

- I** Menggunakan senjata tradisional
- II** Tidak mempunyai senapang dan meriam
- III** Askar upahan Melaka dari Jawa telah melarikan diri
- IV** Angkatan perang Melaka tidak mempunyai struktur lengkap

- A** I, II dan III
- B** I, II dan IV
- C** I, III dan IV
- D** II, III dan IV

(L=3)

109. Apakah peristiwa-peristiwa yang telah menjejaskan keutuhan Melaka dari segi pentadbiran dan perdagangan?

- I** Pelantikan Tun Mutahir
- II** Amalan pilih kasih
- III** Persaingan pembesar
- IV** Serangan Portugis

- A** I, II dan III
- B** I, II dan IV
- C** I, III dan IV
- D** II, III dan IV

(L=3)

110. 

<ul style="list-style-type: none"> <li>• Gospel</li> <li>• Gold</li> <li>• Glory</li> </ul>
---

Slogan di atas digunakan oleh Putera Henry untuk

- A Menjelajah ke timur
- B Meluaskan pengaruhnya
- C Menghapuskan kerajaan Islam
- D Menguasai perdagangan rempah

(L=1)

111. 

<p>Tokoh X</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Telah belayar dan sampai di India pada tahun 1498</li> </ul>
--

Siapakah tokoh X?

- A Putera Henry
- B Vasco da Gama
- C Lopez de Sequeira
- D Bartholomew Diaz

(L=1)

112. Salah satu sebab yang mendorong penjelajahan orang Portugis ke Timur ialah faktor agama. Di antara berikut yang manakah berkaitan dengan faktor tersebut?

- I Keinginan meneruskan Perang Salib
- II Menghancurkan kerajaan Islam di Timur
- III Menyebarkan agama Kristian di Timur
- IV Membentuk masyarakat yang bertamadun

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

(L=2)

113. Kenapakah Portugis berhasrat untuk menguasai Selat Melaka yang berperanan sebagai jalan utama perdagangan?

- A Mengawal ancaman lanun
- B Menjamin keselamatan Melaka
- C Memonopoli perdagangan rempah
- D Menguasai kerajaan di Kepulauan Melayu

(L=1)

114. Pada awalnya Sultan telah menyambut baik Lopez de Sequeira dan rombongannya. Mengapakah baginda kemudiannya mengarahkan supaya orang Portugis ditangkap?
- A Mereka tidak menghadap sultan
  - B Mereka tidak menghormati peraturan di Melaka
  - C Mahu bersikap berwaspada dengan orang asing
  - D Mendapat maklumat bahawa mereka ingin menguasai perdagangan

(L=2)

115. Apakah tindakan yang diambil oleh Portugis apabila mendapat berita tentang tindakan Sultan Mahmud Shah menangkap rombongan orang Portugis?
- A Menghantar angkatan tentera laut
  - B Membuat pakatan dengan Aceh
  - C Menangkap Sultan serta pembesar Melaka
  - D Menghantar rombongan mencari perdamaian

(L=2)

116. Sebaik sahaja tiba di Melaka, Alfonso de Albuquerque telah membuat beberapa tuntutan kepada Sultan Mahmud Shah.

Berdasarkan pernyataan di atas, apakah yang dituntut oleh Alfonso de Albuquerque?

- I Pembebasan tawanan Portugis
- II Meminta ganti rugi
- III Meminta untuk mendirikan kubu di Melaka
- IV Menuntut Sultan Mahmud untuk turun takhta

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

(L=3)

117. Sebaik sahaja tiba di Melaka, Alfonso de Albuquerque telah membuat beberapa tuntutan kepada Sultan Mahmud Shah.

Apakah tindakan yang diambil oleh Sultan Mahmud Shah terhadap tuntutan-tuntutan tersebut ?

- A Menolak semua tuntutan tersebut
- B Cuba berunding dengan pihak Portugis
- C Meminta bantuan kerajaan Melayu yang lain
- D Meminta supaya kedaulatan Melaka dihormati

(L=2)

118. Apakah kesan terpenting tindakan yang diambil oleh Sultan Mahmud Shah untuk menangkap orang Portugis?

- A** Sultan berundur
- B** Portugis mengalah
- C** Perdamaian dicapai
- D** Melaka telah diserang

(L=2)

119. Semasa Portugis menyerang Melaka, semangat perjuangan askar Melaka membara. Apakah faktor utama yang mendorong semangat mereka?

- A** Dijanjikan ganjaran yang lumayan
- B** Kisah Hikayat Muhammad Ali Hanafiah
- C** Rakyat bersatu hati menentang Portugis
- D** Sultan Ahmad turut-serta menentang Portugis

(L=2)

120. Apakah tindakan yang diambil oleh Sultan Mahmud Shah sebaik sahaja Melaka ditawan oleh Portugis?

- A** Berdamai dengan Portugis
- B** Baginda berundur ke Muar
- C** Mengasaskan kerajaan di Johor
- D** Menubuhkan kerajaan di Pahang

(L=2)

121. Melaka telah dikuasai oleh Portugis pada bulan Ogos 1521. Apakah faktor yang menyebabkan kejatuhan Melaka?


- I** Kelemahan Pentadbiran
- II** Kelemahan pertahanan negeri
- III** Keenganan Sultan Mahmud menerima tuntutan Portugis
- IV** Kelemahan teknologi peperangan

- A** I, II dan III
- B** I, II dan IV
- C** I, III dan IV
- D** II, III dan IV

(L=1)



122.




Carta di atas berkaitan dengan

- A Pusat perdagangan utama di Kepulauan Melayu
- B Pusat Pentadbiran Johor selepas kejatuhan Melaka
- C Pusat penyebaran dan pengajian Islam di Kepulauan Melayu
- D Pergerakan Sultan Mahmud apabila berundur dari Melaka

(L=1)

123.



X dalam carta di atas ialah

- A Melaka
- B Pahang
- C Temasik
- D Palembang

(L=1)

124.

Apakah langkah yang diambil oleh Sultan Mahmud semasa baginda berada berada di Bentan?

- A Mengasaskan Kesultanan Johor
- B Mengumpulkan kekuatan tentera
- C Membentuk pemerintahan yang teratur
- D Berusaha menjadikan Bentan sebagai pelabuhan

(L=2)

125.

- Kampar
- Klang
- Rembau
- Sungai Ujong

Jadual di atas merupakan antara kerajaan-kerajaan di Kepulauan Melayu. Apakah persamaan kerajaan-kerajaan yang tersenarai di atas?

- A Berperanan sebagai pusat pentadbiran
- B Pusat perdagangan di Kepulauan Melayu
- C Berperanan sebagai pusat penyebaran Islam
- D Menyatakan taat setia kepada Sultan Mahmud Shah

(L=3)

126. Pada tahun 1522, Portugis telah menyerang Bentan. Apakah tujuan Portugis melancarkan serangan tersebut?

- A Menawan Bentan
- B Meluaskan wilayah jajahan
- C Mengalahkan Sultan Mahmud
- D Melumpuhkan perdagangan di Bentan

(L=3)

127. Apakah tujuan utama Sultan Alauddin Riayat Shah II membina Kota Kara?

- A Mengelakkan ancaman lanun
- B Menjamin keselamatan Pekan Tua
- C Menjamin perkembangan ekonomi
- D Menamatkan pemberontakan pembesar

(L=2)

128. Sultan Alauddin Riayat Shah II telah mengambil beberapa langkah untuk mengukuhkan kuasanya. Apakah yang dilakukan oleh baginda untuk tujuan tersebut?

- A Membentuk angkatan tentera
- B Memecat pembesar yang belot
- C Menguasai jajahan takluk Melaka
- D Memperkenalkan pelbagai jenis cukai

(L=2)

129. Kerajaan Johor mempunyai jajahan takluk yang luas. Apakah sumbangan jajahan takluk kepada kerajaan Johor?

- A Menghantar bunga emas
- B Menjadi pelabuhan utama
- C Menghantar askar ke Johor
- D Menjadi pelabuhan persinggahan

(L=1)

130. Pusat pentadbiran kerajaan Johor sering berubah-ubah pada abad ke 16 dan 17. Apakah rasionalnya tindakan ini?

- A Ancaman lanun
- B Perang saudara
- C Mempertahankan diri
- D Perpindahan penduduk

(L=3)

131. 

<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kota Tinggi</li> <li>• Batu Sawar</li> <li>• Makam Tauhid</li> </ul>
---

Senarai di atas merujuk kepada

- A Jajahan Takluk Johor
- B Kubu pertahanan Johor
- C Ibu negeri kerajaan Johor
- D Pusat perdagangan utama

(L=1)

132. 

Pada bulan Jun 1551, angkatan perang Johor telah bergabung dengan angkatan perang Perak, Pahang dan Japara(Jawa).
---

Apakah faktor terpenting yang menyebabkan tindakan di atas?

- A Johor menghadapi perang saudara
- B Usaha Johor untuk menguasai semula Melaka
- C Empayar Johor semakin luas dan berpengaruh
- D Kerajaan Melayu bersatu di bawah naungan Kesultanan Johor

(L=3)


133. 

Tun Sri Lanang Laksamana Tun Abdul Jamil
---

Apakah sumbangan tokoh-tokoh di atas terhadap kerajaan Johor?

- A Menghasilkan karya kesusasteraan
- B Berusaha menawan semula Melaka
- C Pernah memegang jawatan Bendahara
- D Berperanan meluaskan jajahan takhluk Johor

(L=1)



Rajah di atas berkaitan dengan Perang Tiga Segi. Apakah punca persaingan di antara kuasa-kuasa di atas?

- A Untuk menguasai Melaka
- B Untuk meluaskan tanah jajahan

- C Untuk menguasai Selat Melaka
- D Untuk menamatkan campur tangan

(L=2)

135. Kenapakah Johor sering menjadi sasaran Aceh semasa Perang Tiga Segi?

- A Johor enggan menghantar ufti
- B Johor bersekutu dengan Portugis
- C Aceh ingin meluaskan jajahan takluk
- D Johor akan mengancam perdagangan Aceh

(L=2)

136. Menjelang tahun 1641, Kerajaan Johor telah mencapai zaman kegemilangannya. Apakah faktor utama yang membantu kejayaan Johor?

- A Peranan orang laut
- B Kemajuan perdagangan
- C Pentadbiran yang teratur
- D Kecekapan sultan dan pembesar

(L=1)

137. Apakah faktor utama yang membolehkan Johor muncul sebagai pelabuhan entrepot yang penting di Kepulauan Melayu?

- A Pelabuhan yang dalam
- B Kedudukan yang strategik
- C Pengurusan pelabuhan yang baik
- D Mempunyai tanah jajahan yang luas

(L=2)

138. 


<ul style="list-style-type: none"><li>• Pengawal pelabuhan</li><li>• Pengawal perairan</li><li>• Penunda</li></ul>
--

Senarai di atas berkaitan dengan

- A Peranan kiwi
- B Peranan orang laut
- C Peranan syahbandar
- D Peranan orang Bugis

(L=2)

139



Berdasarkan rajah di atas, apakah faktor terpenting yang mendorong Aceh menguasai kedua-dua kerajaan di atas?


- A Meluaskan pengaruh
- B Meluaskan tanah jajahan
- C Menamatkan pemberontakan
- D Menguasai perdagangan lada hitam

(L=2)

140. Peperangan di antara Jambi dan Johor telah bermula pada tahun 1670. Apakah kesan terpenting peperangan tersebut kepada Johor?

- A Perdagangan terjejas
- B Jambi dapat dikalahkan
- C Menjadi jajahan takluk Jambi
- D Mencetuskan perebutan takhta

(L=3)



141. Senarai di atas berkaitan dengan kerajaan-kerajaan Melayu. Kerajaan Melayu tua terdiri daripada

- I Kedah
  - II Perak
  - III Pahang
  - IV Kelantan
- A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C I, III dan IV
  - D II, III dan IV

(L=1)

142. 

<ul style="list-style-type: none"> <li>• Cheh-cha</li> <li>• Kataha</li> <li>• Sai</li> </ul>
---

Senarai di atas merujuk kepada gelaran pedagang asing terhadap salah sebuah kerajaan Melayu. Kerajaan tersebut ialah

- A Perlis
- B Kedah
- C Pahang
- D Terengganu

(L=1)

143. Pedagang dari Arab, Parsi, Sri Lanka, China dan barat berdagang di Kedah. Apakah faktor terpenting yang menarik para pedagang datang ke Kedah?

- A Pentadbiran tersusun
- B Keselamatan terjamin
- C Pelabuhan yang dalam
- D Kedudukan yang strategik

(L=1)

144. Kedah telah menjadi kerajaan yang maju tetapi terpaksa menghadapi cabaran daripada kuasa luar. Apakah langkah yang diambil oleh Kedah untuk menjamin keselamatannya?

- A Mengambil askar upahan
- B Membina kota pertahanan
- C Menghantar bunga emas ke Siam
- D Memperbesarkan angkatan tentera

(L=1)

145. Kedah telah menjalin hubungan baik dengan Inggeris. Apakah kesan hubungan tersebut?

- A Sultan Kedah diiktiraf
- B Siam menakluk Kedah
- C Kedah mendapat perlindungan
- D Kedah menerima Residen British

(L=1)

146. 

<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perak</li> <li>• Pahang</li> </ul>
---

Apakah persamaan kedua-dua kerajaan di atas?

- A Diserang Portugis
- B Kerajaan Melayu Baru
- C Pusat perdagangan yang unggul
- D Warisan Kesultanan Melayu Melaka

(L=3)

147. 

<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sejarah Melayu</li> <li>• Salasilah Perak</li> </ul>
---

Senarai di atas merujuk kepada dua sumber sejarah negeri Perak. Apakah persamaan kedua-dua sumber tersebut?

- A Bersetuju bahawa Bruas adalah ibu negeri yang pertama
- B Berpendapat bahawa Perak menghantar bunga emas ke Siam
- C Bersetuju bahawa Perak menguasai seluruh Kepulauan Melayu
- D Berpendapat bahawa Kesultanan Perak diasaskan oleh putera Sultan Mahmud Shah

(L=3)

148. Sultan Perak telah menandatangani perjanjian dengan Syarikat Hindia Timur Belanda (V.O.C). Apakah kesan perjanjian di atas kepada Perak?

- A Perak menerima penasihat
- B Perak menjual bijih timah kepada Belanda
- C Takhta Sultan Perak dirampas dan diberi pencen
- D Perak berperanan sebagai pusat pentadbiran Belanda

(L=3)

149. Kedah telah menyerang Perak pada tahun 1816, 1818 dan 1819. Kenapa Kedah menyerang Perak?

- A Diarahkan oleh Siam
- B Meluaskan jajahan takluk
- C Menguasai perdagangan bijih timah
- D Perak enggan mengakui naungan Kedah

(L=3)

150. Antara keunikan Perak adalah berkaitan dengan proses pemilihan sultan. Kenapa proses pemilihan ini dianggap unik?

- A Mengikut sistem giliran
- B Berasaskan sistem warisan

- C Mengikut kewibawaan sultan
- D Mengikut sistem turun-temurun

(L=3)

151. Perak telah tewas dalam serangan yang dilakukan oleh Kedah pada tahun 1819

Apakah faktor utama yang menyebabkan serangan ini?

- A Perak mengancam kekuasaan Siam
- B Perak enggan mengakui naungan Siam
- C Perak enggan tunduk kepada tuntutan Siam
- D Siam ingin menguasai kekayaan perlombongan Perak

(L=2)

152. Perak telah tewas dalam serangan yang dilakukan oleh Kedah pada tahun 1819

Apakah kesan peristiwa ini kepada Perak?

- I Menghantar bunga emas ke Siam
  - II Menjadi jajahan Kedah
  - III Bijih timah dijual kepada Siam tanpa cukai
  - IV Masalah perebutan takhta
- A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan III
  - D III dan IV

(L=2)

153. Pada tahun 1470, Sultan Mansor Shah telah menabalkan Raja Muhammad sebagai Sultan Pahang.

Apakah kesan terpenting perantaraan ini?

- A Kedaulatan Pahang terjamin
- B Perang saudara tercetus di Pahang
- C Keturunan Melaka menguasai Pahang
- D Pahang menjadi jajahan takluk Melaka

(L=3)

154. Pada tahun 1801 pasukan tentera Long Muhammad telah bertempur dengan tentera Terengganu. Apakah kesan pertempuran ini?

- A Terengganu menawan Kelantan
- B Long Muhammad menawan Terengganu



- C Long Muhammad berjaya membebaskan Kelantan.
- D Kelantan enggan menghantar bunga emas kepada Terengganu

(L=2)

155. Apakah sumbangan terpenting Sultan Omar terhadap sejarah Terengganu?

- A Memajukan perdagangan
- B Mengutamakan ajaran Islam
- C Menamatkan penjajahan Siam
- D Mengasaskan Kesultanan Terengganu

(L=1)

156. Antara daerah-daerah Selangor yang tersenarai di bawah, yang manakah terletak di bawah jajahan kerajaan Melaka ?

- I Jeram
- II Klang
- III Langat
- IV Sabak Bernam

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

(L=2)

157. Apakah faktor utama yang menyebabkan Belanda berminat menakluk Selangor?

- A Menguasai perdagangan rempah
- B Menguasai pengeluaran Bijih Timah
- C Selangor mengancam keselamatan Melaka
- D Menamatkan persiangan terhadap Pelabuhan Melaka

(L=2)

158. 

Perak
Kedah
Kelantan
Terengganu

Apakah persamaan negeri-negeri Melayu yang tersenarai di atas?

- A Pusat perdagangan entrepot
- B Menjadi sebahagian jajahan Portugis
- C Merupakan pengeluar bijih timah utama
- D Pernah menghantar bunga emas kepada Siam

(L=1)

159. Apakah iktibar yang kita boleh peroleh daripada sejarah Negeri Sembilan?

- A Sultan adalah tonggak pemerintahan
- B Muafakat dapat menjamin keamanan negeri
- C Pentadbiran yang autokratik adalah kunci kesejahteraan
- D Sistem Pembesar Empat Lipatan dapat menjamin pemerintahan yang licin

(L=2)

160. Apakah faktor utama yang menyebabkan orang Minangkabau memberikan taat setia kepada Sultan Melaka?

- A Sultan Melaka beragama Islam
- B Sultan Melaka mempunyai kadaulatan
- C Sultan Melaka berasal dari Melayu-Jambi
- D Sultan Melaka diiktiraf oleh Maharaja China


(L=2)

161. Sistem pemerintahan ialah cara pentadbiran dan pengurusan sesebuah kerajaan. Apakah bentuk pemerintahan yang diamalkan di negeri-negeri Melayu?

- A Sistem pemerintahan beraja
- B Sistem pemerintahan berlapis
- C Sistem pemerintahan langsung
- D Sistem pemerintahan naungan

(L=1)

162.




Carta di atas menunjukkan pembahagian dalam struktur pemerintahan di negeri-negeri Melayu. X ialah

- A Luak
- B Pekan
- C Mukim
- D Daerah

(L=1)

163.



Apakah rasional di sebalik mewujudkan pembahagian pentadbiran seperti rajah di atas?

- A Mengelakkan masalah perebutan kuasa
- B Memastikan pembesar tidak mempunyai kuasa
- C Menjamin kuasa pemerintah yang sepenuhnya
- D Pelaksanaan arahan pemerintah dengan lebih berkesan

(L=3)

164. Raja atau Sultan menjadi lambang kedaulatan. Apakah ciri-ciri yang dimiliki oleh seorang raja yang berdaulat?

- I Kesempurnaan
- II Kebolehan
- III Keistimewaan
- IV Kekayaan

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

(L=1)

165. Bagaimanakah kedaulatan seseorang raja atau Sultan dapat diperkukuhkan?

- I Kepahlawanan
- II Keunggulan peribadi
- III Lambang negeri
- IV Cap Mohor

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
